

**SPR Sentiasa Kemas Kini Daftar Pemilih
Bernama
20 Julai, 2012**

PUTRAJAYA, 20 Julai (Bernama) -- Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sentiasa mengemas kini Daftar Pemilih dan memastikan nama mereka yang telah meninggal dunia dipotong daripada senarai.

SPR dalam satu kenyataan di sini Jumaat, berkata sepanjang 2011 sebanyak 68,561 nama dipotong, manakala untuk suku pertama tahun ini sebanyak 18,412 nama.

Bagi suku kedua tahun ini, sebanyak 9,373 nama ditanda untuk pemotongan namun SPR masih belum berbuat demikian kerana Rang Daftar Pemilih Tambahan suku kedua itu sedang dipamer bermula semalam hingga 31 Ogos ini.

SPR juga menegaskan badan itu bergantung kepada rekod kematian daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) yang diterima secara bulanan.

JPN adalah pihak yang berwajib untuk mengemas kini rekod kelahiran dan kematian di negara ini dan SPR hanya memotong nama pemilih selepas mendapat pengesahan daripada JPN, kata kenyataan itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=682211>

